

POLISI WHISTLEBLOWING JKR

POLISI

1. Polisi *Whistleblowing* JKR merupakan salah satu elemen penting yang menerangkan proses pelaksanaan penerimaan aduan, penyiasatan, penyediaan laporan dan tindakan yang akan diambil ke atas mana-mana warga JKR yang terlibat.
2. Pelaksanaan polisi ini adalah sebagai langkah memerangi sikap salah laku serta ketidakpatuhan warga JKR kepada undang-undang atau kod etika atau pekeling atau suatu kontrak kerja mengikut mana-mana yang berkenaan.
3. JKR mengamalkan ketelusan dan integriti dalam pelaksanaan Polisi *Whistleblowing*.

OBJEKTIF

1. Menyediakan kemudahan kepada umum untuk menyalurkan maklumat mengenai salah laku warga JKR.
2. Menyediakan panduan tindakan yang diambil ke atas aduan-aduan berkaitan salah laku dan integriti.
3. Memberi peluang kepada warga JKR melaporkan sebarang ketidakpatuhan tatakelakuan dan tatatertib di kalangan warga JKR
4. Mewujudkan budaya kerja beretika dan berintegriti.

KERAHSIAAN

1. Segala maklumat / aduan yang disalurkan akan dirahsiakan dan pemberi maklumat tidak akan didedahkan.
2. Di dalam keadaan tertentu di mana Pegawai Penyiasat perlu mendapatkan maklumat lanjut daripada Pemberi Maklumat, Pegawai Penyiasat akan menghubungi Pemberi Maklumat berkenaan.
3. Segala maklumat / aduan yang diperolehi tidak akan didedahkan atau dibincangkan kepada Pihak Ketiga kecuali kepada individu atau Jawatankuasa yang telah dilantik oleh Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR).

Sekiranya anda mempunyai maklumat mengenai sebarang perbuatan salah laku yang menyalahi etika / integriti melibatkan warga JKR, sila hubungi kami melalui media di bawah :


- a) Menghubungi talian
03-2618 8615/ 8731 / 8736 / 8616
- b) Melalui emel : auditintegriti@jkr.gov.my
- c) Menulis surat, mesej atau media sosial lain kepada ;

PENGARAH CDPK
*Pengerusi Jawatankuasa
Whistleblowing JKR*

Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat
Tingkat 33, Menara Kerja Raya (Blok G)
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur
tel : 03-2618 8429

Ir. Dr. HANNERITA BINTI MOHD ZAINAL
*Ketua Bahagian Audit Dan Integriti
Pengurus Integriti*

Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat
Tingkat 32, Menara Kerja Raya (Blok G)
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur
tel : 03-2618 8615
emel : hannerita.jkr@1govuc.gov.my



POLISI WHISTLEBLOWING JKR



CARTA ALIRAN POLISI WHISTLEBLOWING

Sumber dan Saluran Aduan:


- SPRM
- Agensi dalaman
- Agensi lain
- Panggilan telefon
- Media Elektronik / Sosial (SMS, whatsapp dll)
- Surat
- Emel
- Media cetak

Penerima Aduan:

- Pegawai Penyelaras Aduan (PPA)
- Pengurusan Atasan JKR
- Pejabat Menteri / KSU KKR
- Ketua Pegawai Integriti KKR (CIO)
- Ketua Bahagian Audit & Integriti (BAI)

Maklumat diterima :

- Pengurusan Atasan JKR
- Pengerusi J/Kuasa Penyelaras Tindakan Ke Atas Kes-kes Aduan JKR (JKTA)
- Ketua Bahagian Audit & Integriti
- Pegawai Penyiasat (PPi)



*Nota:

Pegawai Yang DiLantik Oleh Ketua Pengarah Kerja Raya

JKTA - Pengarah Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat

PPi - Pegawai Penyiasat (Bahagian Audit Dan Integriti CDPK – BAI)

PI - Pegawai Integriti JKR Cawangan / Negeri

BPSM - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat



Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib (Pindaan) 2002 [P.U.(A)246.]



CDPK JKR

2 Minggu

Polisi Whistleblowing

